



## Graduan UMP perlu bijak rebut peluang - Abi Musa

Asrol Awang - Ogos 6, 2022 @ 6:03pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Abi Musa (duduk tengah) bersama barisan pengurusan dan penerima anugerah Majlis Konvokesyen UMP Ke-16 di Kuantan. - FOTO UMP

KUANTAN: Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) perlu bijak mengambil peluang seiring dengan keperluan semasa selain pembabitan dalam bidang keusahawanan serta pintar teknologi kerana ia bakal memberi nilai tambah kepada mereka.

Pro Canselor UMP, Tan Sri Dr Abi Musa Asaari Mohamed Nor, berkata pengijazahan hanyalah satu langkah permulaan dan ilmu yang ada akan menjadi bekalan untuk mereka mula mencorak kehidupan serta berhadapan dunia sebenar.

"Graduan sewajarnya mempunyai perancangan hala tuju kehidupan, sabar dan bijak menangani permasalahan semasa dengan mempromosikan potensi kesarjanaan yang dimiliki.

"Graduan juga perlu mempersiapkan diri menjadi pemimpin yang tangkas dan serba boleh bagi menghadapi cabaran isu-isu global seperti krisis kesihatan, perubahan iklim, ekonomi, geopolitik dan kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-16 di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini hari ini. Hadir sama, Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Sementara itu, Dr Yuserrie berkata, UMP satu-satunya universiti membekalkan tenaga mahir untuk pembangunan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), membabitkan kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik melalui kerjasama dengan Beijing Jiaotong University (BJTU).

"Seramai 46 pelajar dalam pengambilan pertama bagi program ini menamatkan pengajian di UMP selama dua tahun. Mereka akan meneruskan pengajian di BJTU bermula sesi pengajian akan datang selama dua tahun enam bulan.

"Mereka akan dilatih menjadi jurutera mahir untuk projek ECRL yang sedang giat berjalan sekarang ini, manakala untuk fasa kedua, 32 lagi pelajar akan mengikuti pengajian untuk program ini," katanya.